

# HARI PONGGAL SATUKAN MASYARAKAT PELBAGAI KAUM DI UniMAP

**Satu** majlis sambutan menuai hasil tanaman dan pertanian bagi masyarakat India atau Hari Ponggal telah diadakan di Dewan Kapitol Kangar pada 10 Mac 2007 baru-baru ini.

Majlis yang bertemakan “A Bountiful Harvest A Stream of Blessings” ini telah dirasmikan oleh Exco Tanah, Penguatkuasaan, Kepenggunaan, Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri Kuala Perlis, YB En Bakar Saad. Menurut beliau, penganjuran sebegini akan menjadi satu platform untuk menyatukan masyarakat yang pelbagai kaum di Malaysia. Menerusi majlis ini kita akan lebih memahami tentang budaya masyarakat India dan majlis ini juga membantu mempromosikan UniMAP kepada masyarakat tentang penukaran nama universiti ini.

Menurut Naib Canselor UniMAP, Kol. Prof. Dato’ Dr. Kamarudin Hussin, komitmen dan perhubungan yang baik akan membentuk perpaduan yang jitu dalam pembangunan negara dan beliau berharap agar UniMAP akan menjadi contoh perpaduan antara kaum yang kuat untuk diikuti oleh universiti lain di Malaysia.

Majlis ini dianjurkan oleh Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UniMAP dengan kerjasama Pemuda MIC Perlis. Turut hadir sama dalam majlis itu ialah wakil-wakil pelajar dari Universiti Utara Malaysia (UUM), Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Kangar. Pelbagai aktiviti menarik diadakan seperti persembahan yang melibatkan pelajar-pelajar India di sekitar negeri Perlis.

